

Sidek terima tugas Ketua Setiausaha Negara

um-2/9/2006



ABDULLAH Ahmad Badawi menyerahkan surat pelantikan jawatan Ketua Setiausaha Negara kepada Mohamed Sidek Hassan sambil diperhatikan oleh Samsudin Osman dan Mazidah Zakaria di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 1 Sept. - Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Mohamed Sidek Hassan hari ini menerima tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) daripada Tan Sri Samsudin Osman.

Majlis penyerahan tugas itu disaksikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pejabat Perdana Menteri di sini. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Mazidah Zakaria.

Pejabat Perdana Menteri ketika mengumumkan semalam menyatakan pelantikan Sidek, 55, berkuatkuasa pada Ahad ini.

Sidek berkata, beliau akan memulakan tugas KSN pada Selasa ini.

Samsudin pula berkata, beliau dan Sidek akan mengadakan pertemuan Isnin ini bagi membolehkan beliau menjelaskan tugas dan tanggungjawab sebagai KSN kepada penggantinya itu.

Sidek mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 15 April 1974 sebagai Penolong

Setiausaha di Kementerian itu.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mempunyai pengalaman luas di Kementerian itu termasuk sebagai Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Sydney, Australia.

Antara jawatan yang pernah disandang di Kementerian itu ialah Timbalan Pengarah Dasar, Bahagian Pembangunan dan Perindustrian, Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Penasihat Hal Ehwal Ekonomi di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Washington, Amerika Syarikat dan Pengarah Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala.

Sidek dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) Kementerian itu pada 19 Januari 2001 dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha pada 24 Oktober 2004.